

**JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

**KEBERKESANAN KERJA PEMBERSIHAN DAN  
SERVIS BANGUNAN MUZIUM**

Satu disertasi yang disediakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan  
**Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)**

**DIAN AINOR BINTI MIZAN  
2000617454  
SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN)  
SEPTEMBER 2002**

## *Penghargaan*

***Assalamualaikum dan Salam Sejahtera***

***Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang kerana izin dan berkat kurnia-Nya memberi peluang kepada saya untuk menyiapkan dissripsi ini seadanya sebagaimana yang telah dikehendaki oleh pihak Jabatan Ukur Bangunan, Universiti Teknologi Mara.***

***Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Tuan Haji Mohd Amin B. Mohd. Din selaku penyelia dissripsi saya. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan idea-idea yang berasas lagi berguna serta memberi semangat sehingga dissripsi ini dapat disiapkan.***

***Di samping itu, jutaan terima kasih diucapkan kepada individu-individu serta organisasi-organisasi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas maklumat dan kerjasama yang telah diberikan. Segala maklumat dan bahan-bahan yang disumbangkan amat berguna bagi melengkapkan dissripsi ini.***

*Antara yang terlibat adalah seperti berikut:-*

1. *En. Razaman Udin*  
*Pembantu Teknik, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan*
2. *En. Abdul Mukhlis Zakaria*  
*Penolong Kurator, Jabatan Muzium Dan Antikuiti, Muzium Negara*
3. *Cik Comeil Puteri Ibrahim*  
*Penolong Kurator, Lembaga Muzium Selangor*
4. *En. Aminallah*  
*Kurator, Lembaga Muzium Negeri Pahang*
5. *En. Ismail Ibrahim*  
*Mozani Trading & Construction Sdn Bhd*
6. *Peransang Jati Sdn Bhd*  
*Building Maintenance & Engineering Services*

*Teristimewa, ucapan terima kasih diucapkan buat papa, ibu, dan nenek (mak) tersayang serta keluarga yang telah banyak bersabar dan membantu serta memberikan semangat dan dorongan untuk saya melakukan yang terbaik dalam menyiapkan disertasi ini. Jasa dan pengorbanan kalian amat bernilai bagi diri ini.*

*Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan, Feeda, Unie, Kak Leen, Aida, Napi, Pani, Shima dan lain-lain yang telah banyak memberi dorongan dan bantuan serta sanggup meluangkan masa untuk bersama-sama mencari maklumat. Tidak ketinggalan buat Umran Zahini yang tidak jemu-jemu memberi dorongan dan semangat kepada saya sepanjang menyiapkan disertasi ini.*

*Ribuan terima kasih diucapkan kepada para pensyarah Jabatan Ukur Bangunan yang telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar serta pandangan yang berguna selama ini. Segala budi dan jasa kalian sentiasa terpahat di sanubari ini.*

*Sekian, wassalam.*

*Dian Ainor Mizan*

## **BAB 1**

# **PENDAHULUAN**

---

### **1.1 PENGENALAN**

Apabila kita mendengar atau bercakap tentang muzium, jelas terbayang di fikiran bahawa muzium adalah sebuah bangunan dimana tersimpannya segala khazanah dan artifak sejarah. Namun sebenarnya, muzium bukan hanya tempat tersimpannya khazanah dan artifak sahaja malahan muzium juga merupakan gedung atau pusat tersimpannya segala ilmu yang berkaitan dengan sejarah kehidupan manusia, negara dan sebagainya.

Tidak ketinggalan juga, muzium adalah tempat di mana ia dapat membangkitkan semangat dalam diri kita agar sentiasa mengenang akan asal usul kita, mencintai tanah air dan menghargai setiap jasa dan pengorbanan para pemimpin dan masyarakat yang terdahulu yang mula-mula menerajui tanah air sehingga terbentuknya negara yang maju serta aman damai dan mempunyai generasi yang berjaya seperti mana yang kita lihat pada hari ini.